



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	6/1/2011

# Dr M janggal ditemu ramah Siti Nurhaliza

Bekas PM jadi tetamu program dihos penyanyi nombor satu negara

Oleh Farihad Shalla Mahmud  
farihad@ibharian.com.my

**P**ETALING JAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad mengaku beliau berasa janggal apabila pertama kali ditemu bual penyanyi popular, Datuk Siti Nurhaliza, sewaktu menjadi tetamu dalam sebuah program bual bicara yang menampilkan Siti sebagai pengacara.

Bagaimanapun kata bekas Perdana Menteri berusia 85 tahun itu, selepas beberapa ketika barulah beliau berasa lebih tenang dan selesa.

"Selama ini saya hanya menonton Siti mengadakan persembahan dan mendengar dia menyanyi, tetapi apabila ditemu bual Siti saya rasa ganjil sedikit.

"Bagaimanapun saya lihat Siti begitu lancar dan fasih melontar soalan dan ia membuatkan saya selesa ditemubual Siti," katanya ketika



ditemui sewaktu sesi rakaman episod pertama program itu di Filem Negara, di sini, petang semalam.

Sementara itu, Siti ketika diminta mengulas tugasannya itu berkata, beliau juga

gementar apabila dikehendaki menemu bual idolanya itu

"Mujurlah Tun memberi kerjasama yang baik sepanjang temubual ini dan ia melancarkan lagi perjalanan wawancara ini," katanya,

Program 13 episod berjudul Siti... Hiburan dan Inspirasi itu akan menampilkan Siti menemu bual tokoh dan usahawan ternama berkongsi rahsia dan pengalaman mereka sebelum menempa kejayaan.